
KEMENTERIAN KEWANGAN

TAKLIMAT

SKIM *EX GRATIA* BENCANA KERJA BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

Pekeliling Perbendaharaan WP 6.2 & WP 6.3



Urus Setia Skim *Ex Gratia* Bencana Kerja
Kementerian Kewangan


Dikemaskini sehingga 23 Januari 2026

KEMENTERIAN KEWANGAN

IMBAS UNTUK INFO



KEMENTERIAN KEWANGAN



WhatsApp Channel
Skim *Ex Gratia* Bencana Kerja

KEMENTERIAN KEWANGAN

KOMPOSISI

- PENGENALAN
- LIPUTAN SKIM *EX GRATIA* BENCANA KERJA
- PELAKSANAAN DAN DATA STATISTIK



KEMENTERIAN KEWANGAN

KOMPOSISI

- **PENGENALAN**
- LIPUTAN SKIM *EX GRATIA* BENCANA KERJA
- PELAKSANAAN DAN DATA STATISTIK



KEMENTERIAN KEWANGAN

PENGENALAN

TAKRIFAN *EX GRATIA*

“ berkenaan bayaran yang diberikan atau dibuat sebagai suatu pemberian atau tanda persahabatan, bukan diwajibkan di sisi undang-undang ”

Kamus Dewan Perdana

KEMENTERIAN KEWANGAN

Portal Pekeliling Perbendaharaan
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Bidang	
PB	PENGURUSAN BELANJAWAN
PK	PEROLEHAN KERAJAAN
WP	PENGURUSAN WANG AWAM
AM	PENGURUSAN ASET
PS	TADBIR URUS KEWANGAN
PA	PELABURAN STRATEGIK
LB	SYARIKAT TERSENARAI BUMIPUTERA

Topik

*. SURAT EDARAN B

1. ELAUN DAN BAYA

2. KELENGKAPAN D

3. KEMUDAHAN PEN

4. PENGURUSAN KE

5. MAJLIS RASMI KE

6. KESELAMATAN S

6.1 CARUMAN KERAJAAN PERSEKU

6.2 SKIM BAYA BAWAH SK BERPENC YANG TERANIAYA ANASIR

6.3 SKIM EX-GRATIA BENCANA KERJA BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AV PERSEKUTUAN

6.4 BANTUAN MENGURUS JENAZAH DAN BAYARAN PENGANGKUTAN JEN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

WP 6.2

KERAJAAN MALAYSIA

Skim Bayaran Pampasan (*Ex-Gratia*) Bagi Pegawai Kerajaan Di Bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Dan Pegawai Berpencen Yang Ditimpa Kemalangan Atau Kecederaan Termasuk Yang Teraniaya Anasir-Anasir Jahat Semasa Menjalankan Tugas Rasmi

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

WP 6.3

KERAJAAN MALAYSIA

Skim *Ex Gratia* Bencana Kerja
Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan

(Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

https://ppp.treasury.gov.my

KEMENTERIAN KEWANGAN

PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL DI MALAYSIA

AKTA KERJA 1955 [Akta 265]

PERINTAH AM 1974

AKTA PENCEN 1980 [*Akta 227 & Akta 239*]

AKTA KWSP 1991 [*Akta 452*]

AKSP 1969 [*Akta 4*]

AKSPS 2017 [*Akta 789*]

ASIP 2017 [*Akta 800*]

AKSSR 2022 [*Akta 838*]

KEMENTERIAN KEWANGAN

UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL

PERINTAH AM

VS

AKTA KERJA 1955

~~**ORDINAN PENCEN 1951**~~
AKTA PENCEN 1980

VS 

~~**AKTA KWSP 1951**~~
AKTA KWSP 1991

~~**AKTA PAMPASAN PEKERJA 1952**~~

VS

AKSP 1969

KEMENTERIAN KEWANGAN

P.U(B)643/1982:

P.U. (B) 643.

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

PENGECUALIAN DI BAWAH SEKSYEN 100

Akta 4. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, Menteri mengecualikan semua perusahaan yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri daripada kuatkuasa Akta ini mulai dari 1hb Januari 1983.

Bertarikh pada 20hb Disember 1982.

[KB & TR. Sulit 32/1/3/13; DG SOCSO-O (9) 80/50; PN (PU²) 58/V.]

DATO' MAK HON KAM,
Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat

EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY ACT 1969

EXEMPTION UNDER SECTION 100

Act 4. IN exercise of the powers conferred by section 100 of the Employees' Social Security Act 1969, the Minister exempts all industries belonging to the Federal Government and State Governments from the operation of the Act from the 1st January 1983.

Dated the 20th December 1982.

[KB & TR. Sulit 32/1/3/13; DG SOCSO-O (9) 80/50; PN. (PU²) 58/V.]

DATO' MAK HON KAM,
Minister of Labour and Manpower

KEMENTERIAN KEWANGAN

PERBANDINGAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL

SWASTA


AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969		AKTA KWSP 1991
• SKIM PENCEN ILAT • SKIM INSURANS BENCANA PEKERJAAN	+	• CARUMAN PEKERJA • CARUMAN MAJIKAN • DIVIDEN

PERKHIDMATAN AWAM

AKTA PENCEN 1980		AKTA KWSP 1991
• PENCEN • GANJARAN • GCR • PENCEN HILANG UPAYA/ PENCEN TANGGUNGAN*	?	• CARUMAN PEKERJA • CARUMAN MAJIKAN • DIVIDEN

PERINTAH AM – CUTI & PERUBATAN

KRONOLOGI SKIM *EX GRATIA* BENCANA KERJA



KEMENTERIAN KEWANGAN

Perenggan 2, P.U(B) 240/2013:

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan semua pekerja Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri daripada kuat kuasa Akta.

(2) Walau apa pun subperenggan (1), pengecualian itu tidak terpakai bagi pekerja Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang diambil kerja sebagai pekerja sementara atau kontrak—

KEMENTERIAN KEWANGAN

PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL SEKTOR AWAM

PERINTAH AM	AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969	AKTA PENCEN 1980	AKTA KWSP 1991	WP6.2 & WP6.3 SKIM *EX-GRATIA* BENCANA KERJA	PPSM Ceraian PP.1.2.5 (1.1.2018) PP.1.2.7 (1.1.2009) PP.1.2.8 (1.1.2020)

KEMENTERIAN KEWANGAN

TAKRIFAN SKIM *EX GRATIA* BENCANA KERJA

“skim perlindungan sosial yang diperkenalkan Kerajaan bagi menyediakan BAYARAN FAEDAH kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang ditimpa bencana kerja”

KEMENTERIAN KEWANGAN

TAKRIFAN BENCANA KERJA


“bencana yang disebabkan oleh kemalangan atau suatu penyakit khidmat yang TERBIT DARIPADA dan DALAM MASA menjalankan tugas rasmi”

KEMENTERIAN KEWANGAN

TAKRIFAN HUK

“Hilang upaya yang BERKEKALAN hingga MENGHILANGKAN atau MENGURANGKAN keupayaan seseorang pegawai menjalani aktiviti yang boleh dilakukannya SEBELUM ditimpa bencana kerja.”

Taksiran HUK ditentukan oleh Lembaga Perubatan/ Lembaga Perubatan Khas berdasarkan Lampiran A, PP WP6.3/ Garis Panduan PERKESO



KEMENTERIAN KEWANGAN

PELAKSANAAN SKIM:

Pekeliling	Liputan Tarikh Bencana	Pegawai Yang Dilindungi
WP 6.2	20 Oktober 1994 hingga 31 Disember 2000	Lantikan tetap sahaja
WP 6.3	Mulai 1 Januari 2001	- Lantikan tetap - Lantikan kontrak & sementara yang berkhidmat: i) sebelum 1 Jun 2013 ii) dalam tempoh 1 Jun 2013 hingga 31 Mei 2016 yang bergaji melebihi RM3,000/bulan

Pegawai lantikan tetap sebelum 1 Januari 2001 yang ditimpa bencana kerja mulai 1 Januari 2001 diberi pilihan sama ada memilih faedah di bawah WP 6.3 atau WP 6.2.

KEMENTERIAN KEWANGAN

KOMPOSISI

PENGENALAN

LIPUTAN SKIM *EX GRATIA* BENCANA KERJA

PELAKSANAAN DAN DATA STATISTIK



LIPUTAN SKIM



Kemalangan yang berlaku di LUAR KAWALAN semasa menjalankan TUGAS RASMI;



Kemalangan yang berlaku pada BILA-BILA MASA disebabkan oleh perbuatan ANASIR-ANASIR JAHAT seperti balas dendam dan sebagainya akibat tugas rasmi; dan



PENYAKIT KHIDMAT iaitu penyakit yang disebabkan atau berpunca daripada aktiviti dan faktor persekitaran di TEMPAT KERJA

KEMENTERIAN KEWANGAN

TAKRIFAN TUGAS RASMI

Tugas Jawatan

Tugas-tugas berkaitan urusan pejabat



Semasa menjalani aktiviti kursus

Menghadiri peperiksaan jabatan

Arahan-arahan lain yang diiktiraf sebagai urusan rasmi Kerajaan

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88808000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA.SARAAN (S) 1619 JLD. 27 (5)

28 Disember 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN PASUKAN *TASK FORCE* BAGI PENGURUSAN PASCA BANJIR DAN KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI GELOMBANG KEDUA BENCANA BANJIR

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kerajaan melalui kenyataan media Pejabat Ketua Setiausaha Negara pada 27 Disember 2021 memutuskan supaya Jabatan Perkhidmatan Awam menyelaras pembahagian kawasan terjejas banjir kepada kementerian/jabatan/agensi serta menyelaras usaha mobilisasi pegawai Perkhidmatan Awam khususnya bagi membantu kerja-kerja pembersihan dan kemanusiaan.

JPA.100-1/4/2 (12) No. Siri :

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2020

DASAR BEKERJA DARI RUMAH

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan berkaitan dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Perintah Am 5 Bab G Tahun 1974 mengenai Waktu Bekerja dan Lebih Masa memperuntukkan bahawa semua pegawai yang bekerja waktu pejabat termasuk Ketua-ketua Jabatan sendiri, hendaklah mematuhi waktu-waktu bekerja dan hadir di pejabat dalam masa yang ditetapkan. Bagi pegawai yang mengikuti Waktu Bekerja Bukan Pejabat pula, pegawai dikehendaki hadir bekerja di suatu tempat bekerja yang telah ditentukan kepada mereka meliputi satu masa bekerja atau giliran bekerja.

3. Sebagai usaha berterusan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan keperluan mengimbangi keperluan tugas dan kesejahteraan pegawai, maka Kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan dasar BDR sebagai alternatif cara bekerja baharu dalam perkhidmatan awam.

KEMENTERIAN KEWANGAN

TAKRIFAN KURSUS

“kursus yang DIARAHKAN atau DIBENARKAN oleh Jabatan termasuk kursus sepenuh masa yang diikuti melalui kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh, Cuti Belajar Separuh Gaji atau Cuti Belajar Tanpa Gaji untuk tujuan atau KEPENTINGAN PERKHIDMATAN”

KEMENTERIAN KEWANGAN

LIPUTAN SKIM



Perjalanan **LAZIM** dan **MUNASABAH** pergi dari tempat kediaman ke tempat bertugas dan sebaliknya.



Kemalangan semasa **WAKTU REHAT RASMI** atau waktu rehat yang dibenarkan.



Kemalangan semasa **DALAM PERJALANAN** ke mana-mana tempat untuk bertugas rasmi/ berkursus dan sebaliknya.

KEMENTERIAN KEWANGAN

LIPUTAN SKIM (1 JULAI 2015)



Kemalangan semasa dalam perjalanan pergi dari tempat kediaman ke pekan berdekatan untuk mendapatkan PERKHIDMATAN DAN KEPERLUAN ASAS HARIAN khusus bagi pegawai yang berkhidmat di lokasi yang digazetkan layak dibayar :

- **Bayaran Insentif Pedalaman**
- **Bayaran Insentif Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (BIMLTK)**



Kemalangan semasa penyertaan dalam AKTIVITI SUKAN (termasuk perjalanan pergi/ balik) di peringkat antarabangsa, kebangsaan, kementerian dan jabatan di peringkat ibu pejabat.

Hari Latihan TIDAK termasuk dalam liputan skim

KEMENTERIAN KEWANGAN


LIPUTAN SKIM (1 JANUARI 2020)



Ahli kesatuan sekerja yang ditimpa bencana semasa MENGHADIRI JEMPUTAN ke PROGRAM RASMI KERAJAAN

KEMENTERIAN KEWANGAN

LIPUTAN SKIM (1 JANUARI 2024)



Perluasan skop liputan penyakit khidmat melibatkan agen VIRUS KORONA

KEMENTERIAN KEWANGAN

LIPUTAN SKIM (1 JANUARI 2025)



Kemalangan yang dialami semasa menghadiri JANJI TEMU KESIHATAN dan bagi MENDAPATKAN RAWATAN (termasuk perjalanan pergi/balik) dengan syarat MEMATUHI peraturan berkaitan kebenaran untuk meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja di bawah Perintah Am 5 Bab G 1974.


Belanjawan 2025
MALAYSIA MADANI
1:25
KEMENTERIAN KEWANGAN
PELUASAN LIPUTAN
Peluasan Skop Liputan Skim
Laman Portal Pekeliling Perbendaharaan
WhatsApp Channel Skim Ex Gratia Bencana Kerja
Liputan Bencana Kerja diperluas bagi merangkumi kemalangan yang dialami semasa menghadiri janji temu kesihatan dan bagi mendapatkan rawatan (termasuk perjalanan pergi/balik) dengan syarat mematuhi peraturan berkaitan kebenaran untuk meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja di bawah Perintah Am 5 Bab G 1974. Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.
Urus Setia Skim Ex Gratia Bencana Kerja
Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan
Kementerian Kewangan
03-8882 4394/ 4655/ 9019
exgratiabk@treasury.gov.my

KEMENTERIAN KEWANGAN

SKOP PINDAAN

i. Pelaksanaan 5 Inisiatif Belanjawan 2025


ii. Penetapan Had Masa Permohonan

iii. Tanggungjawab Ketua Jabatan

iv. Tanggungjawab Pegawai

v. Proses Kerja & Borang Pindaan/Baharu

vi. Penjajaran Semula dan Penstrukturan Kandungan


WP 6.3

KERAJAAN MALAYSIA

Skim *Ex Gratia* Bencana Kerja
Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan

(Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025)

PERBENDAHARAAN MALAYSIA



- Skim Ex-Gratia Bencana Kerja ditambahbaik meliputi perkara-perkara berikut:
  a) Bayaran faedah Ex-Gratia Operasi (EXO) secara sekali sahaja *(one-off)* sehingga maksimum RM50,000 diwujudkan khasnya bagi anggota Pasukan Keselamatan dan Agensi Penguatkuasaan yang mengalami hilang upaya kekal akibat kemalangan semasa bertugas dalam operasi *(wounded in action)* bagi bencana kerja mulai tahun 2024;
  b) Bayaran faedah Ex-Gratia Pukal (EXP) secara sekali sahaja *(one-off)* sebanyak RM20,000 diberikan sebagai tambahan kepada waris bagi kes kematian akibat kemalangan semasa bertugas mulai tahun 2024;
  c) Kadar Elaun Layanan Sentiasa (ELS) dinaikkan sebanyak 200% daripada RM500/bulan kepada RM1,500/bulan kepada pegawai yang layak;
  d) Bayaran faedah Ex-Gratia Hilang Upaya Sementara (EXS) bagi pegawai yang diluluskan Cuti Sakit Lanjutan akibat kemalangan semasa bertugas sebanyak RM25/hari dan terhad kepada 180 hari setahun; dan
  e) Skop liputan Skim Ex-Gratia Bencana Kerja juga diperluaskan sebagai perlindungan kepada pegawai yang diarahkan menghadiri temujanji kesihatan di hospital/fasiliti kesihatan

KEMENTERIAN KEWANGAN

FAEDAH SKIM: KEMATIAN



WP 6.2

**36 x gaji hakiki*
(minimum RM10,000)**

WP 6.3

BAHARU

**Bayaran Ex Gratia Waris Pukal (EXWP)
sebanyak RM20,000.00**

**Bayaran Ex-Gratia Waris Bulanan (EXWB)
sehingga maksimum RM4,320.00/bulan***

Belanjawan 2025
MALAYSIA MADANI

KEMENTERIAN KEWANGAN

FAEDAH BAHARU

Bayaran *Ex Gratia* Waris Pukal sebanyak RM20,000

Bayaran faedah *Ex Gratia* Waris Pukal sebanyak **RM20,000.00** bagi kes kematian yang berlaku **mulai 1 Januari 2024.**



Laman Portal Pekeliling Perbendaharaan

WhatsApp Channel Skim *Ex Gratia* Bencana Kerja

Urus Setia Skim *Ex Gratia* Bencana Kerja
Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan
Kementerian Kewangan

03-8882 4394/ 4655/ 9019

exgratiabk@treasury.gov.my

KEMENTERIAN KEWANGAN

SAMPEL PENGIRAAN

CONTOH

Kes Kematian No.1

Tarikh Lantikan : 1.3.1990
Tarikh Bencana : 28.3.2023
Umur Kejadian : 55 tahun
Gaji : RM5,700
Imbuhan Tetap : RM600
Had Siling Gaji : RM4,000

PP WP 6.2

36 x Gaji Bulanan Hakiki
(min. RM10,000.00)

EXW = 36 x RM5,700.00
= RM205,200.00

PP WP 6.3

$a = \frac{4000}{30} \times 0.9$
$= 120$

EXWB = 120 x 30 x 0.8
= RM2,880.00/bulan
= RM34,560.00/tahun

KEMENTERIAN KEWANGAN

SAMPEL PENGIRAAN

CONTOH

Kes Kematian No.2

Tarikh Lantikan : 1.3.1990
Tarikh Bencana : 28.3.2024
Umur Kejadian : 55 tahun
Gaji : RM5,700
Imbuhan Tetap : RM600
Had Siling Gaji : RM6,000

PP WP 6.2

36 x Gaji Bulanan Hakiki
(min. RM10,000.00)

EXW = 36 x RM5,700.00
= RM205,200.00

PP WP 6.3

$a = \frac{6000}{30} \times 0.9$
$= 180$

EXWB = 180 x 30 x 0.8
= RM4,320.00/bulan
= RM51,840.00/tahun

BAHARU

EXWP = **RM20,000.00**

KEMENTERIAN KEWANGAN

FAEDAH SKIM: HILANG UPAYA KEKAL (HUK)



WP 6.2

HUK
24 x gaji hakiki x % HUK
(maksimum 24 x gaji)

HUK (kehilangan pekerjaan)
72 x gaji hakiki
(minimum RM20,000)

WP 6.3

Bayaran *Ex Gratia* Pukal (EXP)

Bayaran *Ex Gratia* Bulanan (EXB)*

BAHARU

Bayaran *Ex Gratia* Operasi (EXO)*

Bayaran Elaun Layanan Sentiasa (ELS)*

KEMENTERIAN KEWANGAN





KADAR BAHARU

Kenaikan Kadar Elaun Layanan Sentiasa



Kadar Elaun Layanan Sentiasa (ELS) **dinaikkan kepada RM1,500.00** berkuat kuasa **mulai 1 Januari 2025** termasuk penerima sedia ada sebelum 1 Januari 2025.

Laman Portal Pekeliling Perbendaharaan

WhatsApp Channel Skim *Ex Gratia* Bencana Kerja

Urus Setia Skim *Ex Gratia* Bencana Kerja
Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan
Kementerian Kewangan

03-8882 4394/ 4655/ 9019

exgratiabk@treasury.gov.my

KEMENTERIAN KEWANGAN

SAMPEL PENGIRAAN

CONTOH

Kes HUK No.1

HUK : 20%
Tarikh lantikan : 1.3.1990
Tarikh bencana : 28.2.2025
Umur kejadian : 55 tahun
Gaji : RM5,700
Imbuhan Tetap : RM600

PP WP 6.2

- Tidak dibersarakan

EXP = 24 x RM5,700.00 x 0.2
= RM27,360.00

- Dibersarakan

EXP = 72 x RM5,700.00
= RM410,400.00

PP WP 6.3

$a = \frac{6000}{30} \times 0.9$
$= 180$
$b = 0.2$
$c = 4238$

EXP = a x b x c x 0.8
= RM122,054.40

KEMENTERIAN KEWANGAN

SAMPEL PENGIRAAN

CONTOH

Kes HUK No.2

HUK : 21%
Tarikh lantikan : 1.3.1990
Tarikh bencana : 28.2.2025
Umur kejadian : 55 tahun
Gaji : RM5,700
Imbuhan Tetap : RM600

PP WP 6.3

a = $\frac{6000}{30}$ x 0.9
= 180
b = 0.21
c = 4238

EXP = a x b x c x 0.8 x 0.2
= 180 x 0.21 x 4238 x 0.8 x 0.2
= RM25,631.42

EXB = [(a x b) - (a x b x 0.2)] x 30 x 0.8
= [(180 x 0.21) - (180 x 0.21 x 0.2)] x 30 x 0.8
= RM725.76/bulan
= RM8,709.12/tahun

SAMPEL PENGIRAAN

CONTOH

Kes HUK No.3

HUK	**: 100%**
Tarikh lantikan	**: 1.3.1990**
Tarikh bencana	**: 28.2.2025**
Umur kejadian	**: 55 tahun**
Gaji	**: RM5,700**
Imbuhan Tetap	**: RM600**

PP WP 6.3

a = $\frac{6000}{30}$ x 0.9
= 180
b = 1.0
c = 4238

EXP = a x b x c x 0.8 x 0.2
= 180 x 1.0 x 4238 x 0.8 x 0.2
= RM122,054.40

EXB = [(a x b) - (a x b x 0.2)] x 30 x 0.8
= [(180 x 1.0) - (180 x 1.0 x 0.2)] x 30 x 0.8
= RM3,456.00/bulan
= RM41,472.00/tahun

KEMENTERIAN KEWANGAN

SAMPEL PENGIRAAN

CONTOH

Kes HUK No.4

HUK : 100% & disahkan memerlukan layanan sentiasa
Tarikh lantikan : 1.3.1990
Tarikh bencana : 28.2.2025
Umur kejadian : 55 tahun
Gaji : RM5,700
Imbuhan Tetap : RM600

PP WP 6.3

a = $\frac{6000}{30}$ x 0.9
= 180
b = 1.0
c = 4238

EXP = a x b x c x 0.8 x 0.2
= 180 x 1.0 x 4238 x 0.8 x 0.2
= RM122,054.40

EXB = [(a x b) - (a x b x 0.2)] x 30 x 0.8
= [(180 x 1.0) - (180 x 1.0 x 0.2)] x 30 x 0.8
= RM3,456.00/bulan
= RM41,472.00/tahun

ELS (berkuat kuasa 1 Januari 2025)
= RM1,500.00/bulan
= RM18,000.00/tahun

KEMENTERIAN KEWANGAN

FAEDAH SKIM: HILANG UPAYA SEMENTARA (HUS)



WP 6.2

Tiada Faedah Hilang Upaya Sementara

WP 6.3

BAHARU

Bayaran *Ex Gratia* Sementara (EXS) sebanyak RM25.00/hari

Mengikut bilangan hari Cuti Sakit Lanjutan yang digunakan*


Belanjawan 2025
MALAYSIA MADANI
KEMENTERIAN KEWANGAN
FAEDAH BAHARU
Bayaran Ex Gratia Sementara sebanyak RM25 sehari
Bayaran faedah Ex Gratia Sementara (EXS) sebanyak RM25.00 sehari mengikut bilangan hari Cuti Sakit Lanjutan (CSL) yang telah digunakan. Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.
(kecuali Pegawai yang layak dipertimbangkan Cuti Kecederaan di bawah peruntukan Perintah Am 27 Bab C 1974)
Laman Portal Pekeliling Perbendaharaan
WhatsApp Channel Skim Ex Gratia Bencana Kerja
Urus Setia Skim Ex Gratia Bencana Kerja
Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan
Kementerian Kewangan
03-8882 4394/ 4655/ 9019
exgratiabk@treasury.gov.my

KEMENTERIAN KEWANGAN

SAMPEL PENGIRAAN

CONTOH

Kes HUS
- Pegawai yang telah menggunakan kemudahan Cuti Sakit Lanjutan (CSL)

Tarikh lantikan : 1.3.1990
Tarikh bencana : 31.1.2025
Tempoh Lulus CSL : 11.8.2025 hingga 31.12.2025 (142 hari)
Tempoh Guna CSL : 11.8.2025 hingga 30.11.2025 (111 hari)

PP WP 6.3

Tempoh Permohonan Faedah HUS	Tempoh CSL yang digunakan (hari)	Pengiraan (Bil. Hari CSL X RM25)	Jumlah (RM)
11.8.2025 - 31.8.2025	20	20 x RM25.00	500.00
1.9.2025 - 30.11.2025	91	91 x RM25.00	2,275.00
JUMLAH	**111**		**2,775.00**

KEMENTERIAN KEWANGAN

FORMULA PENGIRAAN FAEDAH HUK WP 6.3

TAKSIRAN HUK	BAYARAN	FORMULA	PENJELASAN
HUK 20% atau kurang	EXP	a x b x c x 0.8	a = (Gaji*)** x 0.9 / 30 * Jumlah gaji pokok patut terima dan kadar ITP/ EPW, ITK/ ITKA, ITJ/ ITGK yang berkuat kuasa pada tarikh bencana mengikut gred jawatan Pegawai. ** tertakluk kepada had maksimum siling gaji: - 1.1.2001 - 30.6.2015 (RM2,000.00) - 1.7.2015 - 31.12.2019 (RM3,000.00) - 1.1.2020 - 31.12.2023 (RM4,000.00) - Mulai 1.1.2024 (RM6,000.00) b = % HUK c = nilai aktuari semasa
	EXO	RM50,000.00 x b	
HUK melebihi 20%	EXP	a x b x c x 0.2 x 0.8	
	EXB	[(a x b)-(a x b x 0.2)] x 30 x 0.8	
	ELS	EXB x 0.4 (maks RM500/bulan) - mulai 1.7.2015 RM500/bulan - mulai 1.1.2025 RM1,500/bulan	
	EXO	RM50,000.00 x b	

KEMENTERIAN KEWANGAN

PENERIMA EXW (EXWP dan EXWB)



BALU

- 3/5 daripada kelayakan
- sehingga meninggal dunia



DUDA

- 3/5 daripada kelayakan
- sehingga meninggal dunia



ANAK

- 2/5 bahagian atau 3/5 bahagian jika tiada balu/ duda
- Belum berkahwin dan berumur di bawah 21 tahun.
- Jika sambung belajar, sehingga mendapat ijazah pertama.
- Anak dalam kategori OKU, selagi tidak berupaya menyara kehidupannya



IBU & BAPA

- 2/5 bahagian jika tiada balu/ duda dan anak
- sehingga meninggal dunia

Seksyen Dasar Saraan | BDSP, MoF

KEMENTERIAN KEWANGAN

PERATURAN BAHARU

KEMENTERIAN KEWANGAN

Laman Portal Pekeliling Perbendaharaan

WhatsApp Channel Skim *Ex Gratia* Bencana Kerja

PENAMBAHBAIKAN PEKELILING PERBENDAHARAAN WP 6.3:

PENETAPAN HAD MASA PERMOHONAN SKIM *EX GRATIA* BENCANA KERJA


PERENGGAN 9.4 & 9.5 : PP WP 6.3 - SKIM *EX GRATIA* BENCANA KERJA BAGI PEGAWAI AWAM PERSEKUTUAN

7 TAHUN SELEPAS TARIKH BENCANA



IMBAS UNTUK INFO LANJUT

SIMULASI I



SIMULASI II



Urus Setia Skim *Ex Gratia* Bencana Kerja
Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan
Kementerian Kewangan

03-8882 4394/ 4655/ 9019

exgratiabk@treasury.gov.my

KEMENTERIAN KEWANGAN

PENETAPAN HAD MASA PERMOHONAN

Perenggan 9.4 ***Permohonan baharu faedah Skim hendaklah dikemukakan dengan lengkap dalam tempoh tujuh (7) tahun dari tarikh bencana.***

CONTOH 1

Tarikh Bencana



Tarikh Akhir Permohonan



1 Januari 2025 — **31 Disember 2031**


Permohonan dalam tempoh 7 tahun

KEMENTERIAN KEWANGAN

PENETAPAN HAD MASA PERMOHONAN

Perenggan 9.4 ***Permohonan baharu faedah Skim hendaklah dikemukakan dengan lengkap dalam tempoh tujuh (7) tahun dari tarikh bencana.***

CONTOH 2




KEMENTERIAN KEWANGAN

PENETAPAN HAD MASA PERMOHONAN

Perenggan 9.5 ***Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam perenggan 8.4 dan 9.4 di atas, permohonan faedah Skim bagi bencana yang berlaku sebelum 1 Januari 2025 hendaklah dikemukakan dengan lengkap sebelum 1 Januari 2032.***

CONTOH 3




KEMENTERIAN KEWANGAN

PENETAPAN HAD MASA PERMOHONAN

Perenggan 9.5 ***Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam perenggan 8.4 dan 9.4 di atas, permohonan faedah Skim bagi bencana yang berlaku sebelum 1 Januari 2025 hendaklah dikemukakan dengan lengkap sebelum 1 Januari 2032.***

CONTOH 4



KEMENTERIAN KEWANGAN

KOMPOSISI

- PENGENALAN
- LIPUTAN SKIM *EX GRATIA* BENCANA KERJA
- **PELAKSANAAN DAN DATA STATISTIK**




KEMENTERIAN KEWANGAN

PROSEDUR PERMOHONAN

Ketua Jabatan	• Mendapatkan maklumat bencana dan dokumen berkaitan. • Melantik wakil (Penyedia & Pengesah) untuk menguruskan permohonan dalam talian. • Mengemukakan permohonan menggunakan SEBK & BTX-HUS.
MOF	• Semak permohonan. • Menyediakan kertas perakuan untuk pertimbangan Panel Pegawai Skim *Ex Gratia* Bencana Kerja, Kementerian Kewangan.
Panel Pegawai	• Mempertimbangkan permohonan.
MOF	• Menguruskan bayaran. • Mengemukakan surat makluman keputusan.
Ketua Jabatan	• Merekodkan kelulusan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan. • Memaklumkan keputusan kepada pegawai/waris.


KEMENTERIAN KEWANGAN

PAPARAN MUKA SISTEM *EX-GRATIA* BENCANA KERJA



KEMENTERIAN KEWANGAN


CAPAIAN SISTEM *EX GRATIA* BENCANA KERJA





KEMENTERIAN KEWANGAN

PAPARAN MUKA SISTEM *EX-GRATIA* BENCANA KERJA



KEMENTERIAN KEWANGAN

PAPARAN MUKA SISTEM *EX-GRATIA* BENCANA KERJA



KEMENTERIAN KEWANGAN

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SEBK



TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN 3

3.1 Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan pelantikan wakil Ketua Jabatan dilaksanakan seperti berikut:

(a) melantik dua orang (2) pegawai sebagai wakil Ketua Jabatan bagi menguruskan permohonan tuntutan faedah Skim melalui Sistem iaitu:

i) **Penyedia Agensi** yang bertanggungjawab dalam urusan penyediaan permohonan tuntutan faedah Skim *Ex-Gratia* Bencana Kerja; dan

ii) **Pengesah Agensi** yang bertanggungjawab bagi verifikasi permohonan yang disediakan oleh Penyedia Agensi. Pegawai hendaklah berada dalam gred yang lebih tinggi dan merupakan penyelia kepada Penyedia Agensi;

(b) memastikan pelantikan di perenggan 3.1 (a) adalah dibuat bagi setiap peringkat mengikut kategori pejabat pemohon seperti berikut:

PERINGKAT	KATEGORI PEJABAT
Satu	Kementerian
Dua	Ibu Pejabat Jabatan
Tiga	Pejabat Cawangan* (Negeri/ Daerah/ pejabat kecil)

* *Hanya pejabat yang menguruskan sendiri Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai dibenarkan mengemukakan tuntutan faedah Skim melalui Sistem Ex-Gratia Bencana Kerja.*

(c) memastikan pegawai-pegawai yang telah dilantik untuk melengkapkan pendaftaran ID Pengguna melalui portal Sistem; dan

(d) memaklumkan sebarang perubahan lantikan Penyedia Agensi dan Pengesah Agensi sedia ada kepada Urus Setia Skim *Ex-Gratia* Bencana Kerja, Kementerian Kewangan secara bertulis dalam tempoh lima (5) hari daripada tarikh kuat kuasa perubahan yang berkenaan.

3.2 Sekiranya permohonan tuntutan faedah Skim yang dikemukakan adalah bagi Penyedia Agensi atau Pengesah Agensi yang telah dilantik, Ketua Jabatan hendaklah melantik wakil Ketua Jabatan yang baharu bagi menguruskan permohonan tersebut melalui Sistem.

Rujuk Surat Edaran Kementerian Kewangan no. rujukan MOF.600-40/1/2 Jld.2 (S)(18) bertarikh 28 Disember 2023

KEMENTERIAN KEWANGAN

PEMAKAIAN

1

Tertakluk pada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peraturan di bawah Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan* kepada:


- **Perkhidmatan Awam Negeri**
- **Badan Berkanun Persekutuan/Negeri**
- **Pihak Berkuasa Tempatan**
- **pegawai Perkhidmatan Tentera**
- **pegawai Perkhidmatan Polis**
- **pegawai Perkhidmatan Bomba**

dengan kos pembiayaan dan urusan mengenainya hendaklah ditanggung dan diuruskan oleh agensi masing-masing.

**** Pekeliling ini tidak terpakai bagi pegawai bukan warganegara.***


KEMENTERIAN KEWANGAN

STATISTIK 2519 PERMOHONAN SKIM *EX GRATIA* BENCANA KERJA MENGIKUT KATEGORI BENCANA SEHINGGA 31 DISEMBER 2025



KEMENTERIAN KEWANGAN

STATISTIK 2519 PERMOHONAN SKIM *EX GRATIA* BENCANA KERJA MENGIKUT KATEGORI BENCANA SEHINGGA 31 DISEMBER 2025



KEMENTERIAN KEWANGAN

Pertanyaan, Cadangan atau Maklum Balas



exgratiabk@treasury.gov.my



03-8882 9019/4655/4394

03-8882 4467/3108/3117

KEMENTERIAN KEWANGAN

SEKIAN
TERIMA KASIH



Urus Setia Skim *Ex Gratia* Bencana Kerja
Kementerian Kewangan